ISSN 2180-3684 • Bil 12/13
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

DISEMBER 2013



Meniti Usia Persaraan

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Nurul Husna Mohd Yusof

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan 1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan 1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاي (مليسيا) سندريان برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Meniti Usia Persaraan

Hari untuk Adam dan Aida merealisasikan kehidupan yang diimpikan selama ini sudah tiba. Kedua-dua mereka akhirnya bersara! Namun begitu, berapa ramai yang mengalu-alukan detik persaraan mereka?

Sejak Adam dan Aida beralih kepada tahun emas mereka, mari teliti bagaimana mereka menguruskan kewangan dan penyelesaian yang boleh diguna pakai untuk mengatasi kemusykilan demi menjamin gaya hidup persaraan yang lebih sempurna.

Haruskah saya bersara ataupun tidak? Itu bukan lagi suatu pilihan! Bagi kebanyakan orang yang bekerja, usia persaraan mandatori sudah ditetapkan, tidak kira sama ada anda sudah bersedia ataupun tidak.

Kajian terkini mendapati lebih sepertiga daripada orang yang sedang menghampiri fasa persaraan, mempunyai kurang keyakinan diri berbanding setahun lalu. Ini bersesuaian dengan petikan kenyataan Chris Farrrel, dalam bukunya, *Right on the Money: Taking Control of Your Personal Finances* yang berbunyi, "Paling membimbangkan ialah apabila kehabisan wang. Itulah perasaan takut yang dirasai oleh setiap pesara".

Dengan menabung pada peringkat awal usia dewasa anda, maka anda mungkin mempunyai wang yang mencukupi untuk menikmatinya apabila anda bersara. Bagi Adam, dia sudah merancang dengan baik dan kini usahanya membuahkan hasil kerana tabiat menabung yang disemai dalam dirinya semenjak zaman persekolahannya.

Dia memberikan keutamaan kepada menabung 10 peratus daripada gajinya setiap bulan dan berdisiplin mematuhi beberapa daripada prinsip berikut:-

- Daftar untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada hari pertama dia bekerja dan memulakan akaun persaraan peribadi dengan menyimpan sekurang-kurangnya 10 peratus pendapatan sebagai tambahan kepada KWSP.
- Tambahkan tabungan dana persaraan peribadinya pada peratusan tertentu pendapatan tahunan dengan peningkatan usia.
- Peruntukkan sebahagian daripada jumlah kenaikan gaji atau bonus tahunan kepada tabung persaraannya.
- Semak semula portfolio pelaburan persaraannya setiap tahun untuk memastikan wang bertambah selaras dengan pelan persaraan yang disasarkannya.

Meskipun Adam dan Aida mungkin mempunyai wang yang cukup untuk persaraan, namun mereka memegang pada prinsip 'Berhemat – Belanjawan Persaraan', mereka terus tertumpu pada pelaburan berhemat. Contohnya, Adam masih memandu kereta buatan Jepun yang sudah 10 tahun usianya, sementara Aida pula masih menggunakan mesin jahit yang dimilikinya sejak 15 tahun dahulu. Pasangan ini juga masih menggunakan televisyen model lama yang besar, berbanding televisyen plasma terkini.

Jadi, apa yang perlu anda buat sekiranya usia emas anda tidak begitu membahagiakan? Bukan semua



"Bukan semua orang bertuah seperti Adam dan Aida yang mempunyai tabungan yang mencukupi untuk persaraan mereka."

orang bertuah seperti Adam dan Aida yang mempunyai tabungan yang mencukupi untuk persaraan mereka.

Hasil beberapa tinjauan menunjukkan bahawa 50 peratus orang bimbang mereka tidak bersedia untuk bersara. Sikap pesimis mereka ini adalah berasas berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menunjukkan kebanyakan dana persaraan ahli KWSP hanya dapat kekal secara purata dalam tempoh tiga tahun.

Berikut adalah cadangan untuk memperoleh manfaat daripada dana persaraan:-

Nilai semula sasaran

Ada kalanya, anda perlu bersifat realistik mengenai sasaran anda. Jika unjuran menunjukkan dana tidak mencukupi untuk menampung gaya hidup tertentu semasa persaraan, perubahan yang wajar perlu dibuat kepada pelan asal. Ini sebenarnya soal mengenai jangkaan dan berasa puas hati dengan apa yang anda miliki.

Mengecilkan saiz rumah

Ada kalanya mengecilkan saiz rumah anda merupakan pilihan yang baik untuk mendapatkan wang tambahan untuk dana persaraan. Jika anda dan pasangan anda tinggal di rumah berkenaan, yang kini terlalu besar, anda boleh menjualnya dan menggantikannya dengan rumah yang lebih kecil. Wang lebihan yang diperoleh daripada jualan rumah lama, selepas membeli rumah lebih kecil, boleh ditambahkan kepada dana persaraan.

Anda juga mungkin mengambil keputusan untuk berpindah ke kawasan kejiranan, bandar atau negeri lain yang kos sara hidupnya tidak begitu tinggi. Ini juga dapat mengurangkan perbelanjaan harian anda.

Libatkan diri dalam pekerjaan atau perniagaan selepas bersara

Anda juga perlu memikirkan sama ada anda mahu bekerja atau terpaksa bekerja!. Ada kalanya anda tiada pilihan tetapi perlu terus bekerja, iaitu dengan

... bersambung ke muka 5

Bufet Pelabur Bijak (Bahagian 2)

sambungan dari keluaran RINGGIT November 2013



Langkah-langkah atau resepi pelaburan bijak seterusnya adalah seperti berikut:-

D. Dapatkan maklumat terlebih dahulu

Sebelum membuat tempahan meja untuk menikmati hidangan bufet di sesebuah hotel ataupun restoran, pasti anda bertanya kepada rakan-rakan atau melihat ulasan-ulasan mengenai restoran tersebut terlebih dahulu. Anda semestinya tidak mahu dikecewakan dengan hidangan bufet yang kurang enak.

Begitu juga dengan pelaburan. Sebelum melaburkan wang dalam sesuatu produk pelaburan, pastikan anda telah mendapatkan sebanyak mungkin maklumat mengenai produk pelaburan tersebut. Baca dan fahami semua maklumat berkaitan dengan pelaburan yang akan dibuat.

Untuk pelaburan saham, jangan lupa untuk menganalisis laporan tahunan, prospektus dan dokumen lain yang berkaitan dengan syarikat yang menawarkan saham tersebut. Berwaspadalah dengan khabar angin dan 'tip-tip' pelaburan yang tidak berasas.

Bagi unit amanah pula, amalkan tabiat membaca prospektus dan laporan tahunan dana tersebut. Teliti prestasi dana syarikat berkaitan, profil risiko pelabur dan juga cara pengurusan syarikat tersebut sebelum membuat keputusan.

E. Kawal pemakanan anda!

Biasanya, anda dinasihatkan untuk mengalas perut terlebih dahulu sementara menantikan jamuan bufet yang bakal dihidangkan. Dengan cara ini, sekiranya anda berubah fikiran untuk makan di tempat lain setelah mendapati hidangan bufet yang dinanti-nantikan tidak seenak yang disangka, anda tidak akan kebuluran sebelum tiba di destinasi yang seterusnya.

Begitu juga, anda dinasihatkan untuk memiliki wang lebihan sebanyak enam hingga sembilan bulan daripada perbelanjaan bulanan sebelum melabur. Ini bagi memastikan anda mempunyai dana yang mencukupi jika berlaku perkara yang tidak diingini atau pelaburan mengalami kerugian.

F. Sabar dalam mencapai matlamat anda

Kebanyakan orang sanggup beratur panjang bagi mendapatkan sesuatu jenis makanan yang diinginkan dalam hidangan sesebuah bufet. Begitu juga dengan pelaburan, anda haruslah sabar dan melabur untuk jangka masa panjang. Kerugian jangka pendek sememangnya merupakan asam garam pelaburan. Namun, jika anda sabar dan terus mengamalkan pelaburan untuk jangka panjang, kerugian tersebut akan ditampung oleh keuntungan yang bakal diperoleh kelak.

G. Cuba pelbagai jenis makanan

Ketika di meja bufet, anda biasanya dinasihatkan untuk mencuba pelbagai jenis makanan yang dihidangkan dan tidak tertumpu kepada satu jenis makanan sahaja. Melalui cara ini, anda akan dapat mengetahui makanan mana yang paling enak dan lazat.

Konsep yang sama perlu diaplikasikan dalam

pelaburan. Anda tidak sepatutnya meletakkan semua wang anda dalam satu produk pelaburan sahaja. Pelbagaikan pelaburan anda dalam produk atau sektor yang berlainan. Contohnya, jika anda melabur dalam ekuiti, pelbagaikan pelaburan anda dalam beberapa jenis syarikat dan sektor. Sekiranya anda melabur dalam unit amanah, pelbagaikan jenis dana pelaburan anda.

Ini merupakan cara terbaik untuk mengurangkan risiko anda kerana kerugian yang dialami akibat suatu pelaburan boleh ditampung oleh keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan yang lain.

H. Ubah fikiran jika perlu

Ada kalanya, restoran atau hotel yang dikunjungi tidak memuaskan hati anda. Sekiranya ini berlaku, beralihlah ke tempat lain yang dapat memenuhi cita rasa anda.

Dalam hal pelaburan, prinsip ini juga boleh dipakai. Anda tidak sepatutnya takut untuk beralih kepada pelaburan yang lain sekiranya mendapati produk tersebut tidak serasi dengan matlamat pelaburan atau tidak memberi pulangan yang diharapkan. Kaji semula dan selalu pantau pelaburan anda untuk memastikan ia masih relevan dengan matlamat kewangan.

I. Awasi promosi harga murah

Anda pastinya berasa curiga jika ditawarkan promosi bufet yang terlalu murah tetapi mendapat hidangan bertaraf hotel 5 bintang. Besar kemungkinan ada yang tidak kena dengan bufet tersebut.

Begitu juga dengan pelaburan. Terdapat banyak syarikat yang menjanjikan pulangan yang tinggi, tanpa risiko dan memerlukan modal yang rendah. Sebagai pelabur bijak, anda tidak sepatutnya mudah terpedaya dengan janji-janji seperti ini. Ingatlah bahawa lebih tinggi pulangan sesuatu pelaburan, maka lebih tinggi juga risikonya!

Akhir sekali, pelaburan adalah sesuatu yang sepatutnya memberi anda kepuasan sepertimana menikmati sesuatu hidangan bufet yang enak. Sungguhpun demikian, ingatlah bahawa seseorang pelabur bijak akan sentiasa mengamalkan langkah-langkah di atas bagi memastikan diri mereka dapat membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat.

Sumber: www.min.com.my

bersambung dari muka 3 ...

membabitkan diri dalam pekerjaan selepas bersara atau memulakan perniagaan sendiri.

Ini dapat membantu dalam dua cara. Pertama, anda mempunyai tempoh pengumpulan dana persaraan yang lebih panjang. Kedua, tahun persaraan disingkatkan. Namun begitu, anda masih terlalu muda untuk bersara pada umur 55 tahun.

Optimumkan keistimewaan warga tua

Sebagai masyarakat prihatin, negara menawarkan pelbagai keistimewaan dan diskaun kepada warga tua dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan, termasuk tambang penerbangan, tren dan LRT, wayang, penginapan hotel sehinggalah tawaran hebat di pusat beli belah.

Semakin banyak syarikat memberikan insentif mengguna pakai segmen pasaran warga tua, sebagai suatu tanggungjawab sosial dan juga untuk memanfaatkan pasaran sasaran yang menguntungkan bagi perniagaan mereka.

Anda perlu berbelanja secara bijak, tetapi ini tidak bermakna anda perlu mengurangkan nikmat hidup dengan bersikap terlalu konservatif. Pada peringkat awal persaraan, anda perlu berhati-hati dan menjalani gaya hidup seimbang.

Walaupun wang menjadi suatu keperluan dalam dunia hari ini, tetapi wang bukanlah segalanya. Jangan jadikan wang sebagai matlamat asas hidup anda. Kesihatan, keluarga dan kesejahteraan rohaniah juga adalah unsur penting yang menyumbang kepada kehidupan yang lebih sempurna.

Anda harus kerap menderma dan membuat sumbangan, dari segi masa dan wang kepada mereka yang kurang bernasib baik. Anda perlu mewujudkan keseimbangan dalam kehidupan agar kehidupan anda lebih bermakna.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Petikan akhbar Berita Harian.

Program Bantuan Kecemasan Jalan Raya



Dalam usaha menyediakan perkhidmatan tambahan kepada pelanggan, syarikat-syarikat insurans kini menawarkan bantuan kecemasan jalan raya kepada pemegang polisi kenderaan bermotor.

Perkhidmatan bantuan kecemasan ini kelazimannya ditawarkan 24 jam, dan antara faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh pemegang polisi seperti berikut:-

Bantuan Kerosakan Kereta

- Pembaikan kerosakan kecil;
- Menukar tayar;
- Penggantian bateri;
- Penundaan kereta secara percuma (dalam had zon atau kawasan-kawasan tertentu).

Bantuan Kemalangan

- Penundaan percuma, pembaikan kerosakan dan bantuan tuntutan insurans berikutan kemalangan.

Terma dan Syarat

Walau bagaimanapun, program bantuan kecemasan jalan raya ini tertakluk kepada terma dan syarat. Pelanggan perlu memenuhi terma dan syarat yang melayakkan mereka menggunakan khidmat bantuan program ini, antaranya ialah:-

Kelayakan

- Kereta persendirian dengan perlindungan polisi komprehensif

Pengenalan

- Disahkan mempunyai perlindungan insurans. Pengesahan biasanya dibuat apabila pemegang polisi membuat panggilan melalui talian kecemasan "*hotline*" / pusat panggilan syarikat insurans.
- Pemandu merupakan pemegang polisi atau orang yang diberi kebenaran untuk memandu.
- Penunda / bengkel adalah yang dilantik oleh syarikat insurans.

Pengecualian Am

- Perkhidmatan tambahan selain daripada yang dinyatakan di atas.
- Penggantian bahagian / alat ganti semasa bantuan kerosakan.
- Kawasan pendalaman atau kawasan-kawasan di luar daripada zon bantuan yang dinyatakan.

Makluman:

Faedah-faedah yang ditawarkan dan terma dan syarat mungkin berbeza antara satu syarikat insurans dengan syarikat insurans yang lain. Sila rujuk kepada syarikat insurans anda untuk maklumat lanjut.

Sumber: Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)

Membeli harta lelongan



Pengisytiharan jualan (*"proclamation of sale"*) lazimnya boleh dijumpai di dalam surat khabar atau papan notis di mahkamah tinggi. Terdapat juga iklan-iklan mengenai lelongan yang dikeluarkan oleh institusi kewangan sendiri.

Terdapat tiga jenis lelong awam yang sering dilakukan, iaitu:

(i) Lelongan mahkamah;

(ii) Lelongan pejabat tanah;

(iii) Lelongan oleh institusi kewangan yang dijalankan di lokasi yang ditetapkan.

Orang awam yang berminat untuk membida perlulah mendaftar nama mereka terlebih dahulu. Kemudian pembida perlu menyediakan deposit sebanyak 10 peratus daripada harga rizab yang ditetapkan oleh mahkamah. Deposit ini disediakan dalam bentuk bank draf atau cek bank. Nama penerima adalah nama institusi yang mendapatkan perintah lelongan tersebut. Contohnya, cek ditulis ke atas nama Bank X jika perintah lelongan tersebut diberikan kepada Bank X oleh mahkamah berikutan kegagalan pelanggan mereka melangsaikan bayaran seperti yang telah dipersetujui dan ditetapkan. Pembida yang berjaya lazimnya mempunyai masa selama 90 hingga 120 hari bagi menjelaskan bayaran penuh.

Sebelum seseorang membuat keputusan untuk membeli hartanah yang dilelong, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbang terlebih dahulu. Adalah lebih baik jika hartanah yang akan dilelong diperiksa terlebih dahulu bagi memastikan keadaan sebenar hartanah tersebut dan juga keadaan sekeliling. Anda perlu memastikan:

(i) Hartanah tersebut masih dihuni lagi atau tidak

Jika rumah tersebut masih lagi dihuni dan penghuni tersebut enggan mengosongkan rumah, pembida yang berjaya dalam lelongan tersebut terpaksa membuat permohonan mahkamah bagi mendapat perintah untuk mengarahkan penghuni tersebut mengosongkan rumah. Apabila perintah tersebut sudah diberikan oleh mahkamah, pembida tersebut boleh menggunakan bantuan polis jika penghuni tersebut tetap berdegil. Penghuni tersebut tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pembida kerana perintah mahkamah telah dikeluarkan.

(ii) Keadaan hartanah – dalam keadaan baik atau perlu dibaiki (jika pemeriksaan dalam rumah berjaya dilakukan)

Jika hartanah tersebut perlu dibaiki, pembida yang berjaya perlu menyediakan sejumlah wang untuk menampung kos pengubahsuaian, baik-pulih dan sebagainya.

(iii) Lokasi / keadaan sekeliling hartanah

Periksa sama ada hartanah tersebut terletak di kawasan yang mempunyai:

- kemudahan asas seperti kedai, sekolah, bank, pejabat pos, hospital, taman rekreasi, balai polis dan kawasan kejiranan.
- kemudahan pengangkutan awam.
- keselamatan – sama ada hartanah terletak di kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi, kawasan setinggan dan sebagainya.

(iv) Status hartanah

- **Hak milik kekal** – bermakna anda mempunyai hak ke atas tanah tersebut untuk selama-lamanya.
- **Pajakan** – bermakna anda hanya memiliki tanah tersebut selama tempoh pajakan, biasanya 99 tahun. Selepas tamat tempoh pajakan, hartanah tersebut hendaklah dipulangkan kepada pihak berkuasa, melainkan tempoh pajakan dilanjutkan dengan membuat bayaran premium.
- **Rezab Melayu**
- Terdapat **bebanan** (*"encumbrances"*), [seperti cagaran kepada bank untuk pinjaman] atau sekatan kepentingan (*"restriction of interest"*) [seperti *private caveat*].

Pembida digalakkan untuk membuat carian rasmi dengan bayaran sebanyak RM50 di Pejabat Tanah yang berdekatan. Notis pengisytiharan jualan wajib untuk memasukkan maklumat, seperti jenis hartanah, gambaran hartanah, nombor geran dan lot tanah (contohnya HS(D) 17428, Bandar Serendah,



Mukim...). Nombor geran dan lot tanah tersebut boleh digunakan untuk membuat carian di Pejabat Tanah.

Pembida mungkin terpaksa menanggung kos yang lebih jika hartanah tersebut mempunyai sekatan. Ini disebabkan pembida yang berjaya terpaksa membuat permohonan di mahkamah untuk membatalkan sekatan tersebut yang akan menjejaskan pemindahan hak milik atau penjualan hartanah pada masa hadapan.

Isu ini bertujuan bagi menasihatkan pengguna agar lebih berhati-hati apabilamembuat keputusan untuk membida hartanah yang dilelong. Langkah-langkah di atas bertujuan untuk membantu pengguna dalam membuat keputusan sebelum membida.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor

Deposit untuk Membeli Rumah



Saya merupakan seorang Eksekutif Muda yang berumur 31 tahun. Saya dan isteri bercadang ingin membeli sebuah kondominium yang berharga RM450,000 yang terletak di bandar raya. Pada masa kini, saya telah pun mempunyai sebuah aset sendiri dan bayaran bulanan mencecah RM1,200 sebulan. Memandangkan rumah adalah satu aset yang sangat berharga, saya dan isteri bercadang membeli sebuah rumah lagi bagi langkah-langkah persediaan untuk masa hadapan. Oleh kerana tiada 'tunai di tangan' bagi membayar deposit 10% untuk rumah, saya bercadang mengambil pinjaman peribadi sebanyak RM45,000 dengan kadar faedah sehingga 10 peratus. Apa pandangan tuan berkenaan perkara ini? Untuk makluman tuan, pendapatan bersih saya dan isteri kira-kira berjumlah RM10,000. Mempunyai seorang anak lelaki berusia 4 tahun. Ibu dan bapa tinggal bersama dan juga 1 orang adik lelaki menuntut di kolej. Mempunyai sebuah 2 kereta dengan bayaran bulanan masing RM1,100 dan RM700 sebulan. Saya amat mengalu-alukan khidmat nasihat tuan. Terima kasih.

Cadangan jawapan:

Pertanyaan anda dijawab berdasarkan kepada maklumat yang telah diberikan sahaja kerana banyak lagi maklumat yang diperlukan, terutamanya perbelanjaan dan komitmen hidup yang lain. Analisis dibuat terhadap dua komponen utama, iaitu dengan melihat jumlah ansuran bulanan dan nisbah hutang kepada pendapatan bersih (yakni pendapatan selepas potongan berkanun seperti KWSP, LHDN, SOCSO dsbnya). Berikut adalah senario sedia ada dan selepas anda mengambil pinjaman baru.

Pinjaman sedia ada	**RM**
• Pinjaman perumahan	1,200
• Pinjaman kenderaan	1,800
Jumlah ansuran	**3,000**
Nisbah hutang kepada pendapatan bersih	***30.0%***

Dengan pinjaman baru	**RM**
• Pinjaman perumahan	1,200
• Pinjaman kenderaan	1,800
• Pinjaman peribadi *(RM45K @ 10% @ 10 tahun)*	750
• Pinjaman kondominium *(RM405k @ 5% @ 25 tahun)*	2,300
Jumlah ansuran	**6,050**
Nisbah hutang kepada pendapatan bersih	***60.5%***

Rumusan di atas menunjukkan nisbah hutang kepada pendapatan bersih selepas mengambil pinjaman baru adalah 60.5 peratus. Ini merupakan paras yang 'tidak sihat' kerana had yang disyorkan adalah tidak melebihi 40 peratus. Anda dan isteri mempunyai baki pendapatan sebanyak RM3,950 sebulan (selepas pembayaran pinjaman) untuk menguruskan semua perbelanjaan isi rumah setiap bulan. Adakah jumlah ini mencukupi? Anda perlu berfikir dengan lebih panjang kerana pinjaman adalah komitmen jangka panjang dan anda sendiri mengatakan anda tidak mempunyai 'wang tunai di tangan'. Harus ingat pelaburan hartanah juga melibatkan kos-kos lain yang berkaitan, seperti bayaran guaman, insurans, cukai, taksiran, '*servis* dan *maintenance*', pengubahsuaian, baik-pulih dan sebagainya.

Nota: Analisis di atas tidak mengambil kira jika anda mempunyai pendapatan sewa yang mencukupi daripada aset baru yang boleh menampung kos pinjaman serta kos berkaitan yang lain.



GST

MEMBANGUN & MAJU BERSAMA

LEGA RASANYA...
BELI RUMAH KEDIAMAN
TIADA GST

Kak Gee

1300 888 500

www.gst.customs.gov.my

Pelaburan?


1
2
3
4
5
Apa yang awak buat ni?
6
Lagi 500 tahun,nilai benda ni akan jadi berjuta!



SELAMAT TINGGAL CEK

HELO 10 SEN IBG

Mulai 1 April 2014, setiap cek akan dikenakan yuran pemprosesan sebanyak 50 sen. Lebih menjimatkan apabila anda menggunakan Pindahan Wang Interbank GIRO (IBG) dengan caj maksima sebanyak 10 sen bagi setiap transaksi melalui internet atau perbankan mudah alih.

Menjelang akhir Februari 2014, Pindahan Wang IBG akan menjadi lebih pantas dengan tempoh pemprosesan pindahan wang dalam lingkungan dua jam untuk empat kitaran penjelasan.

Pindahan Wang 10 Sen IBG.
Pantas, Berpatutan, Mudah

Layari www.abm.org.my untuk maklumat lanjut.

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia

PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada
ringgit@crrc.org.my